



إِيتَانْ كَمَاجُوانْ إِسْلَامْ مَلِيسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Buletin

Januari - Mac 2024

JAKIM



**“Siaran Langsung
Forum Perdana Ehwal
Islam Diraja bertemakan
Institusi Diraja
Penyatuan Ummah”**

PERCUMA

ISSN 1823 - 3090



9 771823 309007

MEJA PENGARANG

“Cabaran Tahun 2024”

Assalamualaikum WBT,

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana diberi kesempatan ruang dan peluang untuk menerbitkan Buletin JAKIM Bil.1 bagi tahun ini. Buletin JAKIM adalah salah satu platform untuk melaporkan sebahagian berita bagi program dan aktiviti JAKIM sepanjang bulan Januari sehingga Mac 2024. Oleh yang demikian, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat atas komitmen dan usaha yang telah diberikan sehingga Buletin JAKIM ini dapat diterbitkan semula setelah terhenti sejak tahun 2015. Semoga usaha ini diberkati dan terus memberi impak positif kepada semua yang terlibat.

Mutakhir ini, Malaysia sering berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran berkaitan dengan fenomena Islamofobia dan isu tadbir urus. Islamofobia, atau ketakutan dan kebencian terhadap Islam telah menjadi isu global yang semakin mendapat perhatian, terutama dengan penyebaran melalui media sosial. Penyebaran pandangan negatif terhadap Islam melalui media sosial dapat menggalakkan prejudis dan kesan buruk terhadap masyarakat Malaysia, yang majoritinya beragama Islam. Ini boleh mencetuskan ketegangan antara komuniti beragama dan menjejaskan keharmonian sosial. Isu tadbir urus berkaitan gejala rasuah dalam pelbagai institusi juga mengancam integriti institusi dan keadilan sosial. Selain itu, isu tadbir urus juga boleh dikaitkan dengan kes salah laku dalam pentadbiran dan penyelewengan kuasa. Isu-isu sedemikian perlu ditangani dengan berkesan dan mampan agar Malaysia dapat menjadi contoh terbaik kepada negara lain. Justeru itu, dalam menangani Islamofobia dan meningkatkan tadbir urus yang baik, kerjasama dan komitmen daripada semua pihak amat diperlukan.

Tuntasnya, sebagai badan kerajaan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Islam di Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memainkan peranan penting dalam membimbing dan mengkoordinasikan pelbagai isu yang berkaitan dengan agama Islam di peringkat nasional. Hal yang demikian termasuklah menyebarkan pemahaman yang benar tentang agama Islam dan mempromosikan integriti dan kebajikan umat Islam secara khususnya serta masyarakat Malaysia secara amnya.

Semoga dengan penerbitan Buletin JAKIM ini akan dapat memberikan informasi yang bermanfaat serta maklumat bergambar tentang sebahagian aktiviti yang dilaksanakan oleh JAKIM bersesuaian dengan fungsi dan peranan JAKIM itu sendiri.

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Datin Paduka Hajah Hakimah Binti Mohd Yusoff
(Ketua Pengarah JAKIM)

PENOLONG PENGARANG

Nur Madihah Binti Rakes Junaidi

PENASIHAT

Dr. Haji Ruslan Bin Said
(Timbalan Ketua Pengarah (Operasi))

PENYUNTING

Mohamad Zahir Bin Abdul Halim

KETUA PENGARANG

Azman Bin Mat Hassan
(Pengaroh Bahagian Penerbitan, JAKIM)

PENGURUS EDARAN

Nurul Widyamirza Binti Sujan@Jan

PENGARANG

Khairul Azman Bin Azizan

PEMBANTU EDARAN

Husna Salsabila Binti Mohd Al'Ikhsan

ISI KANDUNGAN

ms4

Forum Perdana
Hal Ehwal Islam Diraja

ms5

Yang Di-Pertuan Agong Terima
Mengadap Menteri Hal Ehwal Agama

ms6

Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi
Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Ke-71

ms7

Kunjungan Hormat Sultan Selangor

ms8

Majlis Iftar MADANI

ms9

Ambang Gema Syukur 2024

ms10

Program Subuh macam Jumaat

ms11

Konvensyen Al-Quran Peringkat
Kebangsaan Tahun 2024

ms12

Seminar Pengukuhan Nilai Dari
Perspektif Maqasid Syariah Ke Arah
Kemampuan Tadbir Urus Baik

ms13

Program Terapi Psikospiritual Islam
Klien Agensi Antidadah Kebangsaan
(AADK) Tahun 2024

ms14

Majlis Menandatangani Memorandum
Kerjasama Program Pensijilan Tahfiz
Al-Quran Bersama Universiti Teknikal
Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti
Tenaga Nasional (UNITEN)

ms15

Seminar Keluarga Madani “Keluarga
Madani Asas Kesejahteraan Ummah”

ms16

Majlis Pelancaran Sambutan Ihya’
Ramadan Peringkat Kebangsaan
1445H/ 2024M

ms17

Karnival Mahabbah Komuniti Madani
Di Perkarangan Masjid As-Syakirin Kg.
Baharu Lanjut, Sepang

ms18

Majlis Penyerahan Sumbangan daripada
Penjaga Dua Tanah Haram Raja Salman
bin Abdul Aziz Al-Saud

ms19

Mesyuarat Sekretariat Dasar Perundangan
Syariah Bil. 1/2024

ms20

Mesyuarat Sekretariat Penyelarasan
Pelaksanaan Inisiatif Dan Program
Berkaitan Malaysia Madani

ms21

Seminar Israk Mikraj: Perspektif Akhir
Zaman

ms22

Sumbangan Tabung Palestin

ms23

JAKIM Perkasa Kerjasama Bersama
Kerajaan Arab Saudi



ms4



ms5



ms16



ms23



FORUM PERDANA Hal Ehwal Islam Diraja

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Istana Negara dan Bank Islam Malaysia Berhad telah berjaya merealisasikan penganjuran Siaran Langsung Forum Perdana Ehwal Islam Diraja bertemakan Institusi Diraja Penyatuan Ummah pada 11 Januari 2024 bertempat di Istana Negara, Kuala Lumpur dan disiarkan menerusi saluran TV1 RTM selama 1 jam 30 minit. Perbincangan

forum kali ini telah menampilkan tiga orang ahli panel iaitu Sahibus Sa'adah YBhg. Dato' Haji Badli Shah Alaudin, Timbalan Mufti Pahang, YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Izhar Ariff bin Mohd. Kashim, Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia dan YBrs. Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail, Pensyarah Universiti Malaya manakala Ustaz Zakaria bin Othman selaku moderator.



Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj

YANG DI-PERTUAN AGONG

Terima Mengadap Menteri Hal Ehwal Agama



KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim telah berkenan menerima mengadap YB Senator Dato' Mohd Na'im Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 14 Februari 2024 di Istana Negara. Hadir bersama, YBhg Datin Paduka Hajah Hakimah Mohd Yusoff, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).



MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA (MKI) KE-71



Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah AlHaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah AlHaj, Sultan Selangor Darul Ehsan telah berangkat bercemar duli mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia ke-71 yang berlangsung di Hotel Palm Garden, Putrajaya.

Antara yang turut hadir ialah YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia selaku Timbalan Pengerusi MKI, YB Senator Dato' Dr. Setia Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwat Agama), YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali Ketua Setiausaha Negara, ahli-ahli MKI yang mewakili negeri-negeri seluruh Malaysia, ahli-ahli ex-officio serta ahli-ahli yang dilantik.





KUNJUNGAN HORMAT SULTAN SELANGOR

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj berkenan menerima menghadap YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff JAKIM selaku Setiausaha Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI), bagi tujuan sembah perkenan beberapa perkara berkaitan urusan MKI dan pentadbiran hal ehwal Islam pada 6 Mac 2024.

Selaku Pengerusi MKI, Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah berperanan dengan penuh hikmah dan bijaksana khususnya dalam menangani beberapa isu besar yang berbangkit dalam kalangan umat Islam.



Majlis Iftar Madani

Program disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 28 Mac 2024. Seramai 10,000 ribu orang telah membanjiri Bulatan Putra bagi menyertai program tersebut.

Turut dihadiri:

- YBhg. Dato' Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail, Isteri Perdana Menteri
- YB Tan Sri Dato' Johari bin Abdul, Yang Di-Pertua Dewan Rakyat
- YB Puan Fadhlina binti Sidek, Menteri Pendidikan
- YBHG. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM



Ambang Gema Syukur 2024

Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dengan kolaborasi MyfundAction berjaya menganjurkan Ambang Gema Syukur pada 31 Disember 2023 hingga 1 Januari 2024 sebagai alternatif baharu kepada masyarakat hari ini bagi mengimarahkan masjid dengan pelbagai pengisian program yang lebih bermanfaat bersempena kedatangan tahun baharu 2024.

Program diserikan lagi dengan kehadiran YB. Senator Dato' Setia Dr. Hj Mohd Na'im Bin Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Timbalannya, YB. Senator Dr. Zulkifli bin Hassan yang bersama-sama berqiamullail serta menunaikan Solat Subuh secara berjemaah.



Program Subuh Macam Jumaat

Penampilan khas sesi perkongsian bersama Sonny Bill Williams pada 25 Februari 2024 bertempat di Masjid Putra, Putrajaya.

Turut dihadiri:

- YB Senator Dato' Setia Dr. Naim bin Hj Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
- YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)





KONVENSYEN AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

Konvensyen Al-Quran Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 2024 telah diadakan pada 26 Februari 2024 dengan bertemakan “Meneroka Rahsia Alam Melalui Ayat-Ayat Kauniyyah”. Program ini telah disempurnakan perasmianya oleh Yang Berhormat Senator Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

SEMINAR PENGUKUHAN NILAI DARI PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH KE ARAH KEMAMPAKAN TADBIR URUS BAIK

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Maqasid Syariah telah menganjurkan Seminar Pengukuhan Nilai Dari Perspektif Maqasid Syariah pada 29 Februari 2024 bertempat di Dewan Utama International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC-IIUM) dan dirasmikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji

Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Seminar ini diadakan dengan kerjasama ISTAC-IIUM dan Maqasid Institut Malaysia (MIM) bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada pembuat dasar di Kementerian, Jabatan dan Agensi khususnya dan seluruh masyarakat umumnya mengenai kefahaman dan kepentingan aplikasi Maqasid Syariah dalam penggubalan dasar.

Seramai 170 orang peserta dari pelbagai latar belakang termasuk pembuat dasar dan wakil dari pelbagai kementerian, agensi, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) telah menghadiri program ini.





PROGRAM TERAPI PSIKOSPIRITUAL ISLAM KLIEN AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK) TAHUN 2024

“Saya menyeru kepada sahabat-sahabat sekalian dengan mengambil falsafah dan semangat al-Falah iaitu Bersama Mencapai Kejayaan, kita mampu merealisasikan agenda transformasi, islah atau pembaharuan dan pembangunan diri dan ummah sejajar dengan aspirasi kerajaan Membangun Malaysia Madani”.

YB Senator Dato’ Setia Dr. Hj. Mohd Naim Hj. Mokhtar

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Masjid Al-Umm Bandar

Baru Bangi, Selangor telah menganjurkan Program Terapi Psikospiritual Islam Klien Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) pada 29 Februari 2024.

Perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Senator Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Turut hadir mengiringi YB Menteri adalah YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff Ketua Pengarah JAKIM dan YBrs. Tuan Khairul Anwar bin Bachok Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM KERJASAMA PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN DENGAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM) DAN UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN)

Seiring dengan tanggungjawab Darul Quran JAKIM dalam mencapai keberhasilan pendidikan Islam yang mampan, inklusif serta holistik sejajar dengan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Darul Quran telah mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pada 5 Mac 2024. Majlis yang berlangsung di Bilik VIP Masjid Wilayah Persekutuan ini telah disempurnakan perasmiaannya oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar.

Dalam majlistersebut, Ketua Pengarah JAKIM, Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff telah menandatangani dokumen kerjasama bagi pihak JAKIM. Manakala Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM, Profesor Dr. Zulkiflie bin Ibrahim dan Profesor Dato' Ts. Dr. Mohd Zamri bin Yusoff yang menjalankan tugas Naib Canselor UNITEN telah turut menandatangani dokumen kerjasama bagi pihak institusi masing-masing. Majlis menandatangani memorandum kerjasama ini turut disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).



SEMINAR KELUARGA MADANI "KELUARGA MADANI ASAS KESEJAHTERAAN UMMAH"

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti turut bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dalam menganjurkan Seminar Keluarga Madani. Seminar ini telah diadakan di Auditorium JAKIM, Kompleks Islam Putrajaya pada 7 Mac 2024 bersamaan 26 Syaaban 1445H.

Seramai hampir 500 orang peserta dari kalangan penjawat awam, badan berkanun, NGO, ahli PUSPANITA agensi JPM (Hal Ehwal Agama) dan sebagainya telah hadir menjayakan seminar pada kali ini. YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah menyampaikan ucapnama "Keluarga Madani Asas Kesejahteraan Ummah", seterusnya merasmikan program tersebut.



The poster for the 'Seminar Keluarga Madani' features a large image of YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar on the left. The central text is in both Malay and Arabic, with the title 'SEMINAR KELUARGA MADANI' in bold purple letters. Below the title, the subtitle '“Keluarga Madani Asas Kesejahteraan Ummah”' is written in a stylized font. The event details include the date '7 Mac 2024 (Khamis)' and time '8.00 pagi - 1.00 t/hari' at the 'Auditorium JAKIM Kompleks Islam Putrajaya'. The 'UCAPTAMA & PERASMIAN' section lists the speaker and his title. The 'FORUM' section is titled '“From Home To Jannah”'. At the bottom, the organizers 'JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN' and 'JAKIM & YADIM' are listed. On the right side, there are portraits of the panelists: Dato' Muhammad Syazri Ab Rahman, Dato' Ahmad Fathi Muhammad, and Prof. Dato' Dr. Farisa Md Sham.

سَمِينَر كَلَوَارَكِي مَدَانِي
SEMINAR KELUARGA MADANI
“Keluarga Madani Asas Kesejahteraan Ummah”

7 Mac 2024 (Khamis)
8.00 pagi - 1.00 t/hari

Auditorium JAKIM Kompleks Islam Putrajaya

UCAPTAMA & PERASMIAN:
YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

FORUM:
“From Home To Jannah”

Anjuran:
JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
dengan kerjasama
JAKIM & YADIM

PANEL 1:
Dato' Muhammad Syazri Ab Rahman

HONORARIUM:
Dato' Ahmad Fathi Muhammad

PANEL 2:
Prof. Dato' Dr. Farisa Md Sham



MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN IHYA' RAMADAN PERINGKAT KEBANGSAAN 1445H / 2024M

Program disempurnakan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Naim bin Hj Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 8 Mac 2024 bertempat di Masjid Putra, Putrajaya.

Turut dihadiri:

- YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
- YBHG. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM





KARNIVAL MAHABBAH KOMUNITI MADANI DI PERKARANGAN MASJID ASSYAKIRIN KG. BAHARU LANJUT, SEPANG

Karnival Mahabbah Komuniti Madani telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 9 Mac 2024 dengan kehadiran 1000 orang yang terdiri daripada ahli masyarakat/ komuniti, ibubapa serta anak-anak.

Turut hadir YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Sahibus

Saadah Dato' Haji Mohd Shahzihan bin Ahmad, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), YBrs. Tuan Khairi Azali bin Ibrahim, Pegawai Daerah Sepang, YBrs. Tuan Muhamad Shah bin Osmin, Timbalan Yang Pertua Majlis Perbandaran Sepang, YBrs. Tuan Haji Khairul Anwar bin Bachok, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Agensi Antidadah Kebangsaan, YBrs. Tuan Haji Mohd Norizan Bin Abd Ghani, Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial & Komuniti (KSK) JAKIM dan dif-dif kehormat.





MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN DARIPADA PENJAGA DUA TANAH HARAM RAJA SALMAN BIN ABDUL AZIZ AL-SAUD

Majlis penyerahan sumbangan secara simbolik telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di Dewan Sheikh Daud Al-Fathoni, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin Putrajaya pada 17 Mac 2024.

Turut hadir TYT Mesaad Ibrahim Al-Sulaim, Duta Besar Arab Saudi di Kuala Lumpur dan YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).



MESYUARAT SEKRETARIAT D A S A R PERUNDANGAN SYARIAH BIL. 1/2024

Mesyuarat Sekretariat Dasar Perundangan Syariah Bil. 1/2024 telah diadakan pada 12 Januari 2024 dan dipengerusikan oleh YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).



MESYUARAT SEKRETARIAT PENYELARASAN PELAKSANAAN INISIATIF DAN PROGRAM BERKAITAN MALAYSIA MADANI

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Maqasid Syariah telah mengadakan Mesyuarat Sekretariat Penyelarasan Pelaksanaan Inisiatif dan Program Berkaitan Malaysia MADANI bersama pihak kementerian, agensi-agensi di bawah Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) pada 24 Januari 2024.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YB Senator Dr Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).





SEMINAR ISRAK MIKRAJ: PERSPEKTIF AKHIR ZAMAN

Rabithah Alawiyah Malaysia dengan kerjasama Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin telah menganjurkan Seminar Israk Mikraj: Perspektif Akhir Zaman pada 3 Februari 2024 bertempat di Dewan Sheikh Daud Al-Fathoni, MTMZA. Program ini telah dihadiri oleh seramai 200 orang peserta yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar-pelajar IPG Kampus Pendidikan Islam dan Kampus Bahasa Melayu.

Majlis penutup program ini telah disempurnakan oleh YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama).

SUMBANGAN TABUNG PALESTIN

JAKIM dan Agensi Agama di Negeri sentiasa bekerjasama erat dalam menunjukkan solidariti kepada rakyat Palestin yang sedang ditindas Israel. Bertempat di Kompleks Islam Putrajaya (KIP), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) telah menyumbangkan sebanyak RM884,232.00 kepada Tabung Musaadah Bagi Misi Bantuan Kemanusiaan Kepada Rakyat Palestin pada 15 Januari 2024. Sumbangan telah diserahkan kepada YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM oleh YBhg. Dato' Haji Shaikh Harun bin Shaikh Ismail, Yang Dipertua MAIDAM.

Turut hadir bersama-sama menyaksikan penyerahan cek cura ialah YBr. Tuan Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, YBr. Tuan Haji M Rozi bin Bidin, Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu dan YBr. Tuan Haji Kori bin Jusoh, Pengarah Kanan Bahagian Dakwah, JAKIM.



JAKIM PERKASA KERJASAMA BERSAMA KERAJAAN ARAB SAUDI

Satu siri lawatan kerja ke Arab Saudi telah diadakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang diketuai oleh YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM dan diiringi oleh Dr. Zuraiza binti Husin, Penolong Pengarah Kanan, Sekretariat Majlis Halal Malaysia (SMHM) pada 23-25 Januari 2024.

Siri lawatan ini telah dimulakan dengan penyertaan Makkah Halal Forum 2024 yang telah diadakan di Makkah Chamber Exhibition & Convention Center anjuran Islamic Chamber Halal Services (ICHS) dan MANAFEAA Arab Saudi. Dalam forum ini, Ketua Pengarah JAKIM telah diundang sebagai panel untuk berkongsi pengalaman berkaitan pensijilan halal Malaysia.





LAPORAN HASIL JUALAN BUKU TERBITAN JAKIM JANUARI - MAC 2024

RM247,841.23

DENGAN JUMLAH BUKU 26,498 NASKHAH





TAK KENAL? MAKA TAK CINTA

JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM



#DaripadaTintaMembentukJiwa



1 SET RM296.00
- 10% = RM266.40


تفسير وادوات متقين
TAFSIR PEDOMAN
MUTTAQIN

JUZ
1

Dr. Abdul Halim bin Abdul Halim

Tujuan penulisan tafsiran ini adalah untuk menzahirkan kefahaman yang mudah kepada masyarakat dengan kandungan buku yang bersifat ilmiah, menarik, kupasan yang kontemporari dan perbahasan isu semasa yang relevan dengan cabaran dan situasi umat Islam masa kini.

Penulis memberi keterangan daripada Juzuk 1 hingga 6 secara jelas dari sudut terjemahan, munasabah ayat, pengajaran dan saranan kepada masyarakat dalam penulisan ini.



KEDAI BUKU JAKIM



BUKU JAKIM



03-8870 7446



#DaripadaTintaMembentukJiwa

TAK KENAL? MAKA TAK CINTA

JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM



Kitab ini juga menjelaskan tentang sebab-sebab diturunkan ayat-ayat al-Quran. Diberikan penjelasan dengan sokongan hadith-hadith Nabi SAW bagi menguatkan penceritaan yang berlaku. Diharapkan dengan terbitnya kitab terjemahan Tafsir Al-Wasit ini dapat menyemarakkan lagi usaha terjemahankitab-kitab sebagai teras rujukan umat Islam sejagat.

Marilah kita sama-sama melebarkan risalah dan menyantuni ummah.





TAK KENAL? MAKA TAK CINTA

JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM



Metode penulisannya membentangkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan hukum mengikut susunan surah yang kemudiannya dikemukakan sinopsis hukum yang dipetik daripadanya.

Kitab ini merupakan antara beberapa buah kitab induk yang menghuraikan rahsia-rahsia al-Quran dan sebagai medan rujukan untuk menentukan sesuatu hukum.



TAK KENAL? MAKA TAK CINTA

JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM



Kitab karangan Imam at-Tirmizi merupakan kitab hadith yang meliputi pelbagai topik dan bidang bukan sahaja terhad kepada hadith-hadith hukum sahaja.

Ia turut memuatkan maklumat perselisihan ulama' mengenai amalan ibadat berdasarkan hadith sama ada daripada sahabat, tabi'in, atba' at-tabi'in dan ulama mujtahidin.